

# AXE BRAND RED HEAT OIL

Methyl Salicylate 60%v/v, Turpentine Oil 22%v/v

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axe Brand Red Heat Oil
2. Bagaimana AXE Brand Red Heat Oil berfungsi
3. Sebelum menggunakan Axe Brand Red Heat Oil
4. Cara menggunakan Axe Brand Red Heat Oil
5. Semasa menggunakan Axe Brand Red Heat Oil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axe Brand Red Heat Oil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

## Apakah kegunaan Axe Brand Red Heat Oil

Untuk kelegaan sementara bagi sakit-sakit yang ringan pada otot dan sendi yang berkaitan dengan sakit belakang, sakit sengal-sengal tulang, sakit sengal-sengal pinggang, kejang, terseliuh dan bengkak.

## Bagaimana AXE Brand Red Heat Oil berfungsi

*Methyl Salicylate, Turpentine Oil* dan *Capsicum Oleoresin* apabila digunakan pada kulit dapat melawan kerengsaan dan melegakan kesakitan dengan mengalihkan tumpuan otak daripada menerima isyarat sakit yang disebabkan oleh keadaan seperti radang sendi tulang atau kecederaan seperti terseliuh dan ketegangan.

## Sebelum menggunakan Axe Brand Red Heat Oil

### Bila tidak boleh menggunakan

- Diketahui hipersensitif/ alahan terhadap sebarang bahan-bahan kandungan, aspirin, *salicylate* lain atau ubat-ubatan anti-radang bukan steroid yang lain

- Jangan gunakan pada kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah

### Sebelum mula menggunakan LKF Axe Brand Heat Oil

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan jika anda:

- Hamil atau sedang menyusukan anak

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Bagi pesakit yang mengambil *warfarin* (ubat untuk mencegah pembekuan darah), penggunaan yang berlebihan pada kulit boleh meningkatkan risiko pendarahan.

## Cara menggunakan Axe Brand Red Heat Oil

### Berapa banyak harus digunakan

Sapukan beberapa titik pada bahagian badan yang sakit dan urut perlahan-lahan. Untuk kegunaan luar badan sahaja.

### Bila perlu digunakan

Ia boleh digunakan pada bila-bila masa apabila diperlukan untuk melegakan gejala. Kekerapan disyorkan adalah 3-4 kali sehari.

### Berapa lama perlu digunakan

Maksimum 5-7 hari secara berterusan.

### Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja teringat.

### Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Terlebih dos bagi ubat sapu ini jarang berlaku. Jika anda fikir anda atau sesiapa yang anda kenali telah menggunakan produk ini secara berlebihan, sila hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat.

## Semasa menggunakan AXE Brand Red Heat Oil

### Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan produk ini untuk kegunaan luar badan sahaja.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Elakkan produk ini dari terkena mata dan mulut anda
- Jangan gunakan pada kulit yang cedera atau luka yang terbuka

### Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhenti guna dan rujuk kepada doktor anda jika:
  - Keadaan anda semakin teruk, berterusan lebih daripada 7 hari atau berulang dalam beberapa hari
  - Anda mengalami kerengsaan berlebihan dan menjadi ruam kulit

## Kesan-kesan sampingan

Kerengsaan biasa atau tindak balas alahan (ruam dan kemerahan) biasanya adalah ringan dan jarang berlaku. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk keterangan lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [nptra.gov.my](http://nptra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

## Cara penyimpanan dan pelupusan Axe Brand Red Heat Oil

### Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

Simpan semua ubat jauh daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi anda tentang cara pelupusan ubat yang tidak digunakan lagi.

**Maklumat lanjut**

Rupa dan warna produk

Cecair yang jernih, minyak merah.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

*Methyl Salicylate, Turpentine Oil*

Bahan tidak aktif:

*Citronella Oil, Capsicum*

*Oleoresin, Cinnamon Oil,*

*Cinnamon Leaf Oil, Sanguis*

*Draconis.*

Nombor MAL:

MAL

**Pengilang**

Leung Kai Fook Medical Sdn

Bhd

No. 2, Jalan Asas, Larkin

Industrial Estate, 80350 Johor

Bahru, Johor, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Leung Kai Fook Medical Sdn

Bhd

No. 2, Jalan Asas, Larkin

Industrial Estate, 80350 Johor

Bahru, Johor, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

01/10/2025

**Nombor Siri**

NPRA(R2) 25/179